

UNTUK EDARAN SEGERA



KENYATAAN MEDIA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

KADAR INFLASI MALAYSIA MENCATAT 2.8% BAGI TEMPOH JANUARI – JULAI 2022

1. Inflasi Malaysia meningkat 2.8% bagi tempoh Januari-Julai 2022, selari dengan sasaran Bank Negara Malaysia, iaitu di antara 2.2% - 3.2% bagi tahun 2022. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol sebanyak 4.8%, Pengangkutan (4.4%) serta Restoran & Hotel (3.6%)
2. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, kenaikan inflasi bagi bulan Julai ini mula menyederhana kepada 0.4% berbanding 0.6% pada bulan Jun 2022. Ini antara lain hasil daripada penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi oleh YAB Perdana Menteri yang telah berjaya membendung kenaikan harga barang.
3. Kadar inflasi pada bulan Julai 2022 berbanding dengan Julai 2021 meningkat sebanyak 4.4%. Trend kadar inflasi yang tinggi adalah fenomena global yang turut dialami oleh banyak negara di dunia berikutan kenaikan input pengeluaran dan harga bahan api. Walau bagaimanapun, kadar inflasi Malaysia adalah antara yang paling rendah di dunia. Kadar pada bulan Julai 2022 adalah lebih rendah berbanding United Kingdom (10.1%), Zon Euro (8.9%), Amerika Syarikat (8.5%), Thailand (7.6%), Singapura (7.0%), Filipina (6.4%), Republik Korea (6.3%) dan Indonesia (4.9%).

4. Kadar inflasi pada bulan Julai sebanyak 4.4% didorong oleh peningkatan harga kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Restoran & Hotel serta Pengangkutan. Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol terus mencatatkan peningkatan kepada 6.9%. Selain itu, komponen Makanan di luar rumah meningkat sebanyak 7.8% manakala Makanan di rumah naik sebanyak 6.4%.
5. Kumpulan Restoran & Hotel mencatat kenaikan 5.8% pada Julai 2022 disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan di Restoran & Kafe yang meningkat kepada 6.0%. Ini adalah selari dengan peningkatan permintaan berikutan pertambahan bilangan ketibaan pelancong dan kadar purata penginapan hotel yang lebih tinggi.
6. Kumpulan Pengangkutan mencatat peningkatan sebanyak 5.6% pada Julai 2022 disebabkan oleh kenaikan harga purata petrol RON97 kepada RM4.73 seliter. Peningkatan ini adalah selari dengan kenaikan harga minyak mentah Brent sebanyak 46.4% berbanding dengan Julai tahun 2021.
7. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membendung inflasi dan membantu rakyat mendepani isu kos sara hidup. Inflasi di Malaysia adalah lebih rendah berikutan langkah Kerajaan terus menyediakan peruntukan subsidi yang lebih besar iaitu sebanyak RM77.7 bilion bagi tahun 2022 berbanding dengan bajet asal sebanyak RM31 bilion. Kerajaan juga akan menanggung subsidi elektrik sebanyak RM5.8 bilion bagi mengekalkan tarif elektrik bagi semua pengguna untuk separuh tahun kedua 2022. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar inflasi Malaysia mungkin melonjak melebihi 12% sekiranya Kerajaan tidak menyediakan pelbagai subsidi kepada rakyat.
8. Kerajaan juga melaksanakan harga kawalan melalui Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia dan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Antara barang yang dikawal adalah gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak paket 1kg, ayam dan telur serta RON95 dan diesel. Di samping itu,

Kerajaan telah memperluaskan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) melibatkan 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara dan 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan. Program JMKM dilaksanakan mulai Ogos sehingga Disember 2022 untuk menawarkan pengurangan harga barang keperluan harian sehingga 20 peratus berbanding harga pasaran semasa setempat. Sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan program JMKM.

9. Usaha turut diambil untuk memantapkan penguatkuasaan di sempadan bagi mengawal penyeludupan barang bersubsidi. Pemantauan dan penguatkuasaan bagi 480 item di 1,500 premis seluruh negara juga dilaksanakan secara harian. Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2018 serta Akta Persaingan 2010 turut diperkuuh.
10. Selain langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, peranan semua pihak termasuk persatuan pengguna, pemain industri dan peniaga serta Keluarga Malaysia amat penting dalam usaha untuk memerangi inflasi.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

29 OGOS 2022